



# UMP Colour Run meriah

Lebih 1,200 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai program UMP Colour Run yang dengan berlari sekitar kampus sambil ditaburi dengan serbuk berwarna hijau, biru dan kuning bagi menceriaan acara.

Program itu turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Pejabat Naib Canselor (PNC), Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan Pelajar (PKP).

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus yang turut dihadiri Penasihat Expoconvo 2015, Zahiruddin Mohd Zin dan Pengarah Expoconvo 15 UMP, Poh Yi Fei.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Rosli berkata, program adalah sebahagian daripada acara prapelancongan pembukaan Karnival Expoconvo 2015 yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen Ke-10 UMP.

"Program ini juga merupakan amalan gaya hidup sihat yang dipupuk dalam kalangan mahasiswa untuk beriadah dan menyihatkan badan.

"Dengan bertemakan 'Ceriaan Hidup Setempat' program pastinya dapat memperkasakan mahasiswa universiti dalam mengamalkan cara hidup sihat di samping memeriahkan acara sempena Majlis Konvokesyen," katanya.

Ujar beliau lagi, beberapa acara yang diadakan ini juga akan dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara mahasiswa dengan masyarakat sekitar.

Sementara itu, bagi Pengarah Expokonvo 15, dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) berkata, program ini berjaya menarik ramai

penyertaan mahasiswa untuk sama-sama bergembira meraikan rakan-rakan mahasiswa yang akan bergraduasi nanti.

Katanya, larian hari ini sungguh meriah kerana pertama kalinya diadakan di universiti ini. Selain bersenam acara ini dapat merapatkan hubungan baik antara mahasiswa serta merakamkan momen bersama rakan mahasiswa.

Turut berlangsung sepanjang Expoconvo ialah Karnival Mahabbah yang dimeriahkan dengan program memasak bubur Asyura, 30 minit bersama Ustaz Don, Semanis Kurma dan program bersama Ustaz Kazim Elias (UKE) yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN). Selain itu turut diadakan persembahan rentak lagu menggunakan cawan (*cup song*) yang bakal mencatatkan *Malaysia Book of Record (MBR)* bagi penyertaan seramai 1,500 mahasiswa UMP.

Bagi Ketua Unit Publisiti dan Promosi, Jawatankuasa Expoconvo, Jasmine Ang Peisze dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK) berkata pihaknya berpuas hati dengan komitmen mahasiswa UMP yang dapat sama-sama hadir memeriahkan program.

"Hebahan dalam media sosial seperti *Facebook* dan *e-community* banyak membantu pihaknya dalam menyebarkan maklumat kepada umum," katanya.

